

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Adven Ke-3

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI
TEMA BULANAN: **JANGAN TAKUT,****AKU MEMBERITAKAN KHABAR GEMBIRA KEPADAMU**
**BELAJAR UNTUK MELEPASKAN
DAN MEMBENARKAN**
ALLAH

Bagaimana kita membuat persediaan untuk Krismas, untuk Yesus? Bacaan-bacaan hari ini meninggalkan banyak perkara untuk kita renungkan. Pertama, kita diberitahu bahawa Allah kita sentiasa, Allah pemulihan dan harapan. Dia akan menghapuskan kejahatan dari kalangan umat-Nya dan menggantikannya dengan damai. Dia akan menyucikan kita daripada dosa, kejahatan dan keganasan dan



PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:

“Bersukacitalah
senantiasa
dalam Tuhan!”

(FIL. 4: 4)

menawarkan masa depan di mana kita boleh berkembang dalam damai dan sukacita. Sesungguhnya, Dia memberitahu kita untuk tidak takut akan kemalangan kita, akan tetapi bersukacita kerana Dia bersukacita bersama kita. Umat Allah tidak boleh menjadi orang yang putus asa kerana Dia ada di antara kita dan akan menyelamatkan kita.

Dalam bacaan kedua, Santo Paulus menggesa kita juga untuk sentiasa bersukacita di dalam Tuhan, untuk membenarkan orang lain merasakan kelembutan dan pemahaman kita untuk mereka. Bagaimanakah kita bersukacita apabila kita sendiri memerlukan begitu banyak penghiburan dan dorongan? Begini caranya. Dia memberitahu kita bahawa Tuhan itu dekat dan tidak perlu bimbang tentang apa-apa; agar kita berdoa dan mohon kepada-Nya dengan hati yang bersyukur dalam segala hal. Dia mengajar kita bahawa Tuhan adalah Allah damai sejahtera, dan Dia akan menjaga hati dan fikiran kita dalam Kristus Yesus. Dengan kata lain, kita mesti belajar untuk melepaskan dan membenarkan Allah. Dalam kerendahan hati, kita berdoa mohon belas kasihan-Nya untuk melepaskan semua ketakutan dan kebimbangan, kesukaran dan keraguan, rasa bersalah dan kekecewaan yang sering memenuhi hati dan fikiran kita setiap hari.

Seperti orang yang bertobat dalam bacaan Injil, askar dan pemungut cukai yang bertanya kepada Yohanes Pembaptis untuk arah, dalam iman kita bertanya kepada Yesus, “Tuhan, apakah yang harus saya lakukan?” Yohanes bukan sahaja menyeru untuk bertobat, tetapi dia juga menasihati kerja amal terhadap orang lain dan mengamalkan etika pekerjaan. Tobat lebih jauh daripada sekadar berkata ‘maaf’. Tobat dan iman berjalan seiringan. Tobat dan iman yang sebenar mesti membawa kepada tindakan. Tindakan mesti disertai dengan belas kasihan. Belas kasihan terhadap umat Allah mencerminkan gambaran Allah sendiri. Walaupun kita perlu hidup secara positif dengan tujuan, niat dan tindakan untuk sungguh-sungguh benar dengan Allah, **marilah kita membenarkan diri kita dibimbing oleh tangan-Nya dan bersukacita seperti yang diminta-Nya.** ✝

AYAT SUCI
MINGGU INI

Zep. 3: 14-18;

Yes. 12: 2-3, 4-6;

Fil. 4: 4-7;

Luk. 3: 10-18.